

04/08/2003

Air: Pusat tidak akan bantu Kelantan, Terengganu

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kerajaan Pusat tidak akan memberi bantuan kewangan kepada Kelantan dan Terengganu untuk pengurusan airnya, berikutan keengganan kedua-dua kerajaan negeri itu membenarkannya mengambil alih pengurusan air.

"Pada masa sekarang pun mereka tidak dapat membekalkan air. Jadi, jika mereka meminta lebih banyak bantuan kewangan, kita tidak boleh beri.

"Malah, sepatutnya segala bantuan kewangan yang telah diberikan Kerajaan Pusat perlu dibayar semula oleh kedua-dua kerajaan negeri terbabit.

"Sepatutnya, mereka (kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu) kena bayar balik. Mereka tidak boleh harap untuk mendapat lebih banyak wang dari kita (Kerajaan Pusat).

"Saya tak tahu macam mana Kelantan dan Terengganu nak kecualikan diri mereka sedangkan mereka tak mempunyai wang yang cukup dan menghadapi lebih banyak masalah daripada negeri-negeri lain," katanya selepas menutup Karnival Putrajaya 2003 di sini, malam tadi.

Sebelum ini, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri yang menghadiri mesyuarat Majlis Sumber Air Negara (MSAN) bersetuju menyerahkan hak pengurusan serta perbekalan sumber air kepada Kerajaan Pusat, kecuali Kelantan dan Terengganu yang mendiamkan diri.

Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang ditemui pemberita semalam berkata, kerajaan negerinya tidak bersetuju Kerajaan Pusat mengambil alih pengurusan bekalan air di Terengganu kerana mendakwa pengurusan air di negeri itu sudah mencapai kejayaan dan mampu menyelesaikan sebarang masalah yang timbul.

Dr Mahathir berkata, kerajaan negeri Kelantan umpamanya, tidak dapat membekalkan air yang ditapis dengan baik walaupun sudah mendapatkan pinjaman RM600 juta daripada Kerajaan Pusat.

"Tak sikit yang mereka minta, sampai RM600 juta. Ini menunjukkan bahawa mereka tak mampu dan kalau kita tak bagi bantuan, maka orang Kelantan tak mungkin dapat air yang bersih," katanya.

Perdana Menteri berkata, kedua-dua negeri terbabit sering meminta bantuan pinjaman daripada Kerajaan Pusat.

Ditanya langkah Kerajaan Pusat mengenai hak pengurusan air yang tertakluk di bawah negeri, Dr Mahathir berkata:

"Kita kena tengok dari segi undang-undang Perlembagaan kita. Apa kuasa Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Memang kalau nak adakan pindaan kepada Perlembagaan yang membabitkan negeri-negeri, maka negeri mestilah buat keputusan menyokong."

Sebelum ini, Dr Mahathir mengumumkan bahawa Kerajaan Pusat akan menyelaraskan peruntukan bagi membina empangan, pembekalan air antara negeri dan mengkaji semula semua projek membabitkan sumber air, termasuk mempertimbangkan pampasan setimpal kepada syarikat swasta yang kini menguruskan sumber air negeri tertentu.